



Kedah
Malaysia
where it all began

كردان نكره قديج دي الامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000

: 04-774 4010

Faks : 04-733 0910

: 04-733 8717

: 04-774 4578

: 04-774 4643

“MUAFAKAT KEDAH”

Ruj.Kami: (30) dlm.P.Kw.N.(K)1521Jld.2

Tarikh : 08 Rejab 1439H

26 Mac 2018

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri**

YB Dato’/YAA Dato’/ YBhg. Dato’/Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BIL.2 TAHUN
2018 GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2019
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini diedarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.2 Tahun 2018 Garis Panduan Bagi Penyediaan Anggaran Hasil Tahun 2019 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman untuk dijadikan rujukan oleh pihak YB Dato’/YAA Dato’/ YBhg. Dato’/Datuk/Tuan/Puan.

3. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.2 Tahun 2018 dan format borang berkaitan boleh dimuat turun di laman sesawang Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah (ppnk.kedah.gov.my).

Kerjasama dan perhatian daripada pihak YB Dato’/YAA Dato’/YBhg.Dato’/Datuk/Tuan/Puan dalam pelaksanaan pekeling ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MUAFAKAT KEDAH”**

Saya yang menurut perintah,


(NOR AZMAN BIN NORDIN, AMK., BCK.)
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

Ruj.Kami: (30) dlm.P.Kw.N.(K)1521Jld.2

S.k Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah
Bendahari Negeri Kedah Darul Aman
Pengarah Audit Negara Cawangan Negeri Kedah



Semua Ketua Jabatan Negeri/
Ketua Jabatan Persekutuan
Negeri Kedah Darul Aman

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL.2 TAHUN 2018
GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2019
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan anggaran hasil jabatan-jabatan Negeri Kedah Darul Aman bagi Tahun 2019. Ketua jabatan hendaklah memastikan supaya anggaran hasil jabatan dapat disediakan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam pekeliling ini.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Di Negeri Kedah, defisit sebenar pada Tahun 2016 berjumlah RM72.4 Juta dan pada anggaran defisit pada Tahun 2017 berjumlah RM75.5 Juta. Ini menunjukkan perbelanjaan negeri masih lagi mencatatkan peningkatan berbanding jumlah kutipan hasil sebenar. Defisit terkumpul dalam Kumpulan Wang Disatukan tidak mencatatkan pengurangan yang ketara.
- 2.2 Semua Jabatan/PTJ pemungut hasil perlu memainkan peranan dengan mengutip hasil dan **mengkaji hasil-hasil baru** di samping **menjalankan kajian semula kadar-kadar hasil sedia ada** bagi meningkatkan jumlah kutipan hasil Kerajaan Negeri.

- 2.3 Tunggakan hasil negeri pada 01 Januari 2018 mengikut kategori berjumlah RM213.0 Juta merangkumi tunggakan hasil tanah RM103.0 Juta, hasil daerah RM1.4 Juta, pelbagai hasil berjumlah RM108.6 Juta yang menunjukkan jumlah tunggakan yang tinggi dan masih belum dikutip. Semua Jabatan/PTJ pemungut hasil perlu menggunakan pendekatan penguatkuasaan yang lebih agresif supaya kutipan hasil tunggakan dapat ditingkatkan dan pada masa yang sama membuat semakan pemutihan data supaya isu tunggakan dapat diselesaikan.

3.0 DASAR DAN STRATEGI PENINGKATAN HASIL NEGERI 2019

- 3.1 Seperti pada tahun-tahun lepas, Kerajaan Negeri lebih fokus untuk memberi penekanan yang lebih mantap kepada strategi dan kaedah pungutan hasil bagi memaksimumkan kutipan hasil secara keseluruhannya.
- 3.2 Sehubungan itu, satu Jawatankuasa *Task Force* Hasil telah diwujudkan untuk membincangkan isu, punca dan kaedah untuk meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri dan pada masa yang sama mengurangkan ketirisan hasil mengikut kategori hasil.
- 3.3 Jabatan/PTJ pemungut hasil disarankan membuat kajian secara dalaman bagi mengenal pasti sumber hasil baru yang belum diterokai berdasarkan semakan punca kuasa sedia ada dan perbandingan dengan negeri-negeri lain.
- 3.4 Jabatan/PTJ pemungut hasil juga perlulah melipatgandakan usaha bagi mengutip hasil, sama ada secara turun padang, hebahan jadual kutipan atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai yang dapat meningkatkan kutipan hasil dengan kos yang minima kepada Kerajaan Negeri.

- 3.5 Sebagai tambahan, bagi kategori Jabatan/PTJ pemungut hasil di bawah, strategi khusus perlulah dititikberatkan seperti:-

3.5.1 JABATAN/PTJ PEMUNGUT HASIL TANAH

- 3.5.1.1 Memantap dan memperkemas sistem kutipan hasil tanah, mewujudkan kerjasama bersepadu antara Jabatan/Agensi bagi tujuan kutipan luar kaunter dan mempertingkatkan kaedah-kaedah pembayaran hasil secara manual dan secara atas talian.
- 3.5.1.2 Merangka kaedah penambahbaikan kepada sistem pembangunan tanah dan pemberimilikan tanah kerajaan sedia ada untuk peningkatan premium tanah. Penekanan kepada tanah rizab (RC) yang digunapakai oleh Kerajaan Persekutuan.
- 3.5.1.3 Memperkemas tindakan penguatkuasaan ke atas kegagalan pembayar cukai dan pelanggaran syarat-syarat kegunaan tanah dan perlesenan serta melaksanakan program pemutihan data yang berkesan.

3.5.2 JABATAN/PTJ PEMUNGUT HASIL DAERAH DAN PELBAGAI

- 3.5.2.1 Melaksanakan kajian dan semakan semula kadar fi perkhidmatan, lesen dan permit di dalam akta/enakmen/peraturan-peraturan yang melibatkan hasil bagi menentukan kadar yang lebih berpatutan dan bersesuaian mengikut perkembangan semasa.
- 3.5.2.2 Memperkemas tindakan penguatkuasaan terhadap tunggakan hasil dan pemutihan data bagi tunggakan hasil supaya jumlah kutipan hasil dapat ditingkatkan.

4.0 ASAS-ASAS PENYEDIAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2019

- 4.1 Anggaran hasil yang dikemukakan hendaklah realistik, boleh kutip, tepat dan mempunyai justifikasi yang kukuh bagi menyokong setiap anggaran hasil yang dikemukakan.
- 4.2 Dalam penyediaan cadangan anggaran hasil 2019, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:
 - 4.2.1 Semua Jabatan/PTJ pemungut hasil yang mempunyai jumlah **patut kutip** perlu menganggarkan hasil berdasarkan jumlah tersebut.
 - 4.2.2 Semua Jabatan/PTJ pemungut hasil perlu meneliti **rekod kutipan hasil sebenar** untuk tiga (3) tahun bermula **2015, 2016 dan 2017**.
 - 4.2.3 Semua Jabatan/PTJ pemungut hasil juga perlulah membuat perkiraan terperinci berasaskan kadar fi sedia ada, trend permohonan/jumlah/kuantiti/unit untuk tiga (3) tahun yang lepas mengikut kod hasil terlibat untuk memaksimumkan kutipan hasil 2019.
 - 4.2.4 Semua Jabatan/PTJ pemungut hasil dikehendaki mengenal pasti polisi semasa kerajaan berkaitan hasil, mengkaji kemungkinan terdapat sumber-sumber hasil baru dan mengambil berat berkenaan suasana ekonomi yang boleh menambahkan kutipan hasil.
 - 4.2.5 Semua Jabatan/PTJ pemungut hasil perlu menilai kemampuan mengutip tunggakan dan usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan kutipan tunggakan hasil.

5.0 PENYAMPAIAN CADANGAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2019

5.1 Cadangan anggaran hasil yang dikemukakan hendaklah menggunakan **format borang** berikut yang boleh dimuat turun di laman sesawang Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah (ppnk.kedah.gov.my):-

ABM 7A - Ringkasan Anggaran Hasil Tahun 2019 Mengikut Objek Sebagai.

ABM 7B - Butiran Anggaran Hasil Tahun 2019 Mengikut Objek Lanjut.

ABM 7C - Butiran Anggaran Hasil Tahun 2019 Justifikasi

5.2 **Justifikasi** bagi setiap kod anggaran hasil 2019 dan **penjelasan** ke atas **peningkatan atau pengurangan anggaran hasil 2019 berbanding anggaran hasil 2018** bagi setiap kod terlibat hendaklah dikemukakan secara berasingan sebagai lampiran ketika menghantar anggaran hasil tersebut menggunakan borang **ABM 7C**. Contoh pengisian disediakan di dalam format borang ABM 7A-7B-7C di laman sesawang.

5.3 Pegawai Pengawal Jabatan pemungut hasil hendaklah mengemukakan **Cadangan Anggaran Hasil Jabatan Tahun 2019** seperti di bawah :-

KATEGORI JABATAN	ANGGARAN JABATAN/PTJ
Pejabat Tanah Dan Daerah	PTJ –Pejabat Daerah
	PTJ - Pejabat Tanah
Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah/ Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK)/ Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	PTJ Jabatan dikehendaki menyatukan cadangan anggaran hasil PTJ Daerah untuk dijadikan satu (1) anggaran hasil Jabatan.
Pelbagai Jabatan	Mengikut jabatan masing-masing

6.0 PEMERIKSAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2019

6.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Hasil akan diadakan serentak dengan Pemeriksaan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 2019 yang akan diadakan bermula bulan **Mei 2018**.

7.0 PENUTUP

- 7.1 Pegawai Pengawal Jabatan pemungut hasil perlu menghantar **Cadangan Anggaran Hasil Jabatan Tahun 2019** mengikut format yang ditetapkan di **para 5.0** selewat-lewatnya pada **30 April 2018** seperti di bawah:-

BIL	PERKARA	ALAMAT
a.	Dua (2) salinan	Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman Pejabat Kewangan Negeri Kedah Darul Aman Aras 3, Blok E Wisma Darul Aman 05503 Alor Setar, Kedah Darul Aman (u.p: Unit Hasil)
b.	Satu (1) softcopy	Emel ke unithasilpkn@kedah.gov.my

- 7.2 Sebarang pertanyaan dan maklumat yang diperlukan hendaklah dirujuk ke Unit Hasil di talian 04-7744555/4579/4569 dan no faks di talian 04-7744578 atau 04-7330910.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MUAFAKAT KEDAH”

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM,
DSDK.,JSD., AMK., AMN., BCK.)**

Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

Tarikh : 25 MAR 2018

Sk: P.Kw.N(K)0801 Jld.10

P.Kw.N(K)0223/2015